

Dua pemimpin MIC termasuk SU Pemuda bebas hukuman berat
The Malaysian Insider
31 Ogos, 2011

KUALA LUMPUR, 31 Ogos — Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC yang bermesyuarat Ahad lalu telah memaafkan dua pemimpin parti itu termasuk Setiausaha Pemuda C. Sivarraajh dengan mengurangkan hukuman yang dikenakan oleh lembaga disiplin.

Hukuman gantung keahlian selama 12 bulan ke atas Sivarraajh dikurangkan kepada empat bulan manakala bekas ketua MIC Bahagian Bagan, Datuk Henry Benedict Asirvatham, yang dipecat parti pertengahan tahun ini, pula diterima balik dan hanya dikenakan hukuman digantung keahlian, juga sehingga 31 Disember.

Bermakna kedua-dua mereka hanya akan menjalani hukuman digantung keahlian sehingga 31 Disember.

“CWC memutuskan untuk mengkaji semula keputusan jawatankuasa disiplin dan kedua-dua Sivarraajh dan Datuk Henry hanya akan menjalani hukuman digantung keahlian sehingga 31 Disember ini... secara umum, hingga akhir tahun ini... bermakna mereka boleh aktif balik dalam parti tahun depan,” kata sumber kepada The Malaysian Insider.

Asirvatham dipecat daripada parti kerana mempersoalkan cara dan motif Presiden parti Datuk G Palanivel memimpin ekoran menerima balik beberapa pegawai peringkat pusat dan menubuhkan cawangan-cawangan baru.

Langkah itu dikatakan mahu menghalang kemungkinan cabaran timbalannya Datuk Dr S Subramaniam pada pemilihan parti kelak.

Awal tahun ini, Palanivel yang menjadi presiden Disember lalu memberitahu The Malaysian Insider, semua ahli MIC yang telah disingkir atau keluar parti sebelum ini akan diterima kembali dan dikekalkan jawatan mereka tetapi dengan syarat.

Dalam pada itu pertengahan bulan ini, Sivarraajh digantung daripada jawatannya selama 12 bulan selepas.

Sivarraajh dilaporkan mengemukakan aduan kepada Pendaftar Pertubuhan selepas CWC mengambil keputusan menerima semula tiga pemimpin berkenaan iaitu bekas timbalan ketua pemuda V. Mugilan dan dua bekas anggota CWC K.P Samy dan G.Kumar Amaan.

Sumber memberitahu The Malaysian Insider bahawa sementara anggota CWC merasakan hukuman itu terlalu keras tetapi perlu ada tindakan jika ada pihak melanggar disiplin parti.

“Jika tidak semua orang akan membuat komen sesuka jati dan boleh menjejaskan perpaduan dan nama parti. CWC juga merasakan jawatankuasa disiplin perlu membuat keputusan dan mengenakan hukuman mengikut alasan mereka,” katanya lagi.

Beberapa pihak mengkritik tindakan jawatankuasa disiplin mengenakan hukuman itu secara terbuka termasuk mesej-mesej Twitter.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dua-pemimpin-mic-termasuk-su-pemuda-bebas-hukuman-berat/>